

## Untung bersih Gas Malaysia meningkat kepada RM62.36 juta pada suku ketiga



19/11/2021 08:06 PM

KUALA LUMPUR, 19 Nov – Keuntungan bersih Gas Malaysia Bhd pada suku ketiga berakhir 30 Sept, 2021 meningkat kepada RM62.36 juta daripada RM50.91 juta yang dicatatkan dalam tempoh sama pada tahun lepas.

Perolehan, bagaimanapun, turun kepada RM1.38 bilion daripada RM1.72 bilion sebelum ini, menurut kumpulan itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Katanya perolehan yang lebih rendah itu sejajar dengan purata tarif gas asli dan jumlah penjualan gas asli yang lebih rendah, dikurangkan oleh pengiktirafan pelarasan had perolehan pada suku tahun semasa.

Sementara itu, katanya pendapatan yang lebih tinggi disebabkan keuntungan kasar yang tinggi, perbelanjaan pentadbiran dan kos kewangan yang rendah manakala keuntungan kasar yang tinggi walaupun jumlah penjualan gas asli rendah adalah berikutan pengiktirafan pelarasan had perolehan pada suku tahun semasa.

"Dengan program vaksinasi kebangsaan yang telah melepasi 95 peratus daripada jumlah penduduk dewasa di negara ini dan pembukaan semula lebih banyak sektor ekonomi secara berperingkat mulai Ogos 2021 dan seterusnya, kumpulan berharap pemulihan ekonomi Malaysia akan terus maju dan rancak pada bulan-bulan akan datang.

"Kumpulan akan terus mengambil langkah-langkah berhemat untuk mengekalkan kecekapan operasi dan meninjau peluang untuk mengembangkan perniagaan," katanya.



Dividen interim pertama sebanyak 4.80 sen sesaham ke atas 1.28 bilion saham biasa, berjumlah RM61.63 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2021 telah dibayar pada 28 Okt, 2021.

--BERNAMA